

PEMBANGUNANAN MODUL PEMBELAJARAN IRAMA GITAR BES BAGI RENTAK JOGET

MOHAMAD MU'IZZ BIN MOHAMAD ZUKI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**PEMBANGUNANAN MODUL PEMBELAJARAN IRAMA GITAR BES BAGI
RENTAK JOGET**

MOHAMAD MU'IZZ BIN MOHAMAD ZUKI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(KERJA KHUSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ..13...(hari bulan).....03..... (bulan) 20.25...

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohamad Mu'izz bin Mohamad Zuki (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pembangunan Modul Pembelajaran Irama Gitar Bes bagi Rentak Joget

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Sajastanah bin Imam Koning (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pembangunan Modul Pembelajaran Irama Gitar Bes bagi Rentak Joget

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19.09.2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia
SAJASTANAH BIN IMAM KONING
PENSYARAH MUZIK
Jabatan Muzik Dan Pendidikan Muzik
Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pembangunan Modul Pembelajaran Irama Gitar Bes bagi Rentak
Joget

No. Matrik / Matric's No.: M20231000928

Saya / I: Mohamad Mu'izz Bin Mohamad Zuki

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan () bagi pilihan kategori di bawah / Please tick () for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 13 MAC 2025



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

SAJASTANAH BIN IMAM KONING
PENSYARAH MUZIK
Jabatan Muzik Dan Pendidikan Muzik
Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kajian ini berjaya dihasilkan dan dilengkapkan. Saya ingin memanjangkan rasa berterima kasih saya kepada penyelia saya, iaitu Dr. Sajastanah binti Imam Koning. Selain itu, saya juga ingin menyatakan rasa terutang budi dan rendah diri saya kepada mereka yang membantu proses saya menghasilkan kajian ini kepada Professor Zaharul Lailidin Saidon, Dr Yusran Bin Mohd Yusoff, En Zamrus Bin Hashim, Dr Flory Ann Gingging, Prof Madya Dr Mohd Nizam B Nasrifan dan Dr Shafizan Bin Sabri. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Fakulti Muzik dan Seni Persembahan serta Institut Pengajian Siswazah.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan dengan proses pembangunan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget. Objektif kajian pula adalah untuk menghasilkan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget, menentukan isi kandungan modul tersebut, serta menilai kebolehgunaan modul. Instrumen kajian temu bual berstruktur, kajian perpustakaan dan juga soal selidik telah digunakan untuk mencapai objektif ini. Hasil kajian mendapati model ADDIE sesuai untuk membangunkan modul ini. Temu bual dengan pakar pula telah berjaya mengisi isi kandungan yang diperlukan modul. Dapatan menunjukkan isi kandungan modul berjaya meningkatkan kemahiran pelajar Nilai min 4.40 (sangat baik) manakala nilai min untuk aspek peningkatan minat pelajar pula adalah 3.80 (baik). Kesimpulannya, modul ini bukan sahaja memenuhi objektif kajian, malah berpotensi menjadi alat bantu pembelajaran yang signifikan dalam pendidikan muzik di peringkat sekolah menengah.

DEVELOPMENT OF A BASS GUITAR RHYTHM LEARNING MODULE FOR THE JOGET STYLE

ABSTRACT

This study focuses on the development process of a learning module for bass guitar rhythms in the *Joget* style. The objectives of the study are to produce a learning module for bass guitar rhythms in the *Joget* style, determine its content, and evaluate the module's usability. Structured interviews, library research, and questionnaires were employed as research instruments to achieve these objectives. The findings indicate that the ADDIE model is suitable for developing this module. Expert interviews successfully provided the necessary content for the module. The results show that the module content effectively enhanced students' skills with a mean score of 4.40 (excellent), while the aspect of increasing students' interest achieved a mean score of 3.80 (good). In conclusion, this module not only fulfils the study's objectives but also has the potential to be a significant learning aid in music education at the secondary school level.

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	15
1.1 Pendahuluan	15
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kerangka Konseptual	10
1.7 Definisi Istilah	11
1.7.1 Modul Pengajaran	11
1.7.2 Gitar Bes	11

1.7.3 Irama Joget	12
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Kepentingan Kajian	13
1.10 Rumusan	14
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	15
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Model Reka Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.2.1 Model ADDIE	18
2.2.2 Model ASSURE	20
2.2.3 Model SAM	22
2.2.4 Model 5E	23
2.2.5 Sembilan Peristiwa Pengajaran Gagne	25
2.2.6 Rumusan	26
2.3 Kajian Lepas	27
2.3.1 Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE Dalam Pendidikan	27
2.3.2 Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE Dalam Pendidikan Muzik	30
2.3.3 Muzik Tradisional Di Sekolah	32
2.3.4 Permainan Alat Muzik di Sekolah	34
2.4 Rumusan	36
BAB 3 METODOLOGI	37
3.1 Pendahuluan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	37
3.3 Persampelan	38
3.4 Instrumen Kajian	39

3.5	Kaedah Pengumpulan Dapatan Kajian	40
3.6	Kaedah Analisis Dapatan Kajian	41
3.7	Rumusan	43
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	44
4.1	Pendahuluan	44
4.2	Latar Belakang Responden	44
4.3	Dapatan Kajian	45
4.3.1	Membangunkan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget	45
4.3.2	Menentukan isi kandungan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget	49
4.3.3	Mengenal pasti kebolegunaan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget	52
4.4	Rumusan	52
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	54
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Apakah kaedah membangunkan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?	56
5.2.2	Apakah pasti isi kandungan yang bersesuaian untuk modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?	57
5.2.3	Apakah tahap kebolegunaan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?	58
5.3	Implikasi Kajian	57
5.4	Cadangan Kajian	59
5.5	Penutup	59
	Rujukan	61
	Lampiran	65

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

12

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Persampelan	40
3.6 Kaedah Analisis Dapatan Kajian	44
4.3 Dapatan Kajian	52

SENARAI SINGKATAN

- ASWARA** Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
- ADDIE** Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan, Penilaian
(Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation)
- ASSURE** Analisis Pelajar, Nyatakan Objektif, Pilih Kaedah/Media/Bahan, Gunakan
Media/Bahan, Libatkan Pelajar, Menilai dan Menambah Baik (Analyze
learners, State objectives, Select methods/media/materials, Utilize
media/materials, Require learner participation, Evaluate and revise)
- SAM** Model Penghampiran Berturutan (Successive Approximation Model)
- 5E** Libatkan, Teroka, Terangkan, Huraikan, Nilai (Engage, Explore, Explain,
Elaborate, Evaluate)

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Jadual hasil soal selidik yang dijalankan menggunakan SPSS

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pendahuluan

Bahagian ini adalah merupakan penerangan mengenai latar belakang kajian yang dilakukan. Bahagian ini akan menerangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian dan kepentingan kajian. Latar belakang dan punca kajian ini dilakukan akan dapat dilihat dalam bahagian latar belakang kajian dan pernyataan masalah.

Bahagian ini juga akan menceritakan tujuan dan fokus kajian ini dilakukan melalui bahagian objektif, persoalan kajian dan kerangka konseptual. Definisi istilah pula akan menerangkan mengenai istilah-istilah penting yang akan digunakan dalam penulisan ini

sehingga ke pengakhiran kajian. Batasan kajian akan menerangkan mengenai sempadan yang diletakkan kajian dalam mendapatkan dapatan kajian. Manakala, kepentingan kajian pula akan menjustifikasikan keperluan kajian ini. Rumusan bab ini pula akan menerangkan aspek yang telah dicapai dalam bahagian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan muzik di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian. Pertama adalah di sekolah rendah dan bahagian kedua adalah di peringkat sekolah menengah. Pendidikan muzik di sekolah rendah adalah berpandukan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Pendidikan muzik di peringkat sekolah menengah pula menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Objektif pendidikan muzik yang umum bagi pendidikan muzik sekolah rendah adalah untuk memastikan pelajar dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Objektif-objektif ini adalah untuk memastikan pelajar dapat menguasai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik. Selain itu, pelajar juga perlu mempunyai kemahiran untuk menggunakan pengetahuan dan kefahaman bahasa muzik mereka menerusi aktiviti yang bersifat muzikal. Pelajar juga diharap akan dapat mencipta karya muzik dengan pengetahuan muzikal mereka. Objektif lain juga adalah untuk memastikan mereka mampu mengulas mengenai muzik yang didengar dan membuat persembahan muzik sekiranya

perlu. Akhir sekali, mereka diharapkan akan dapat menggunakan nilai murni dalam aktiviti muzik (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Fokus untuk pendidikan muzik di peringkat sekolah rendah terbahagi kepada empat elemen. Empat elemen ini adalah bahasa muzik, kemahiran muzik, kreativiti muzik dan apresiasi muzik. Semua ini akan cuba dicapai melalui pengkaryaan, persembahan dan pembudayaan muzik. Ini akan dilakukan dengan memberikan pelajar peluang untuk bermain alat muzik perkusi dan rekoder. Modul kreativiti akan memberikan peluang kepada pelajar untuk menghasilkan karya seperti mencipta corak irama, melodi dan elemen muzikal lain dan juga diberikan peluang untuk membuat persembahan. Dalam modul apresiasi muzik, pelajar akan diberikan peluang untuk menghayati pelbagai jenis muzik yang berbeza secara aktif. (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Objektif pendidikan muzik bagi peringkat sekolah menengah pula adalah untuk memastikan pelajar dapat mencapai beberapa kemahiran berkaitan muzik. antaranya adalah untuk memastikan pelajar dapat menggunakan pengetahuan dan kefahaman muzik mereka melalui nyanyian. Pelajar juga disasarkan untuk menggunakan pengetahuan dan kefahaman muzik melalui permainan alat muzik. Mereka juga perlu menguasai kemahiran untuk membaca dan menulis notasi muzik. Selain itu, mereka juga disasarkan supaya mampu untuk menghasilkan dan mengulas karya dengan menggunakan kemahiran muzik yang mereka ada serta mengamalkan nilai murni yang mereka peroleh daripada aktiviti muzik (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah memfokuskan kepada usaha untuk membangunkan murid yang mempunyai kemahiran muzikal. Ini akan dilakukan dengan memfokuskan lima bidang utama iaitu ensembel nyanyian dan alat muzik, penghasilan dan apresiasi muzik serta membaca dan menulis notasi muzik (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Modul bahasa muzik digunakan untuk mendedahkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran bahasa muzik. Ini merangkumi aspek elemen muzik seperti menulis dan membaca notasi muzik. Modul kemahiran muzik digunakan untuk memastikan pelajar mendapat pengalaman muzikal dengan menguasai kemahiran bernyanyi, bergerak mengikut muzik dan bermain alat muzik. (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Ensembel nyanyian yang disarankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah adalah nyanyian duet, nyanyian koir, nyanyian kuartet, nyanyian nasyid dan nyanyian trio. Ensembel yang dicadangkan untuk pengajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah pula adalah pelbagai. Guru disarankan untuk memilih ensembel mana yang mampu untuk diajar oleh mereka berdasarkan kepada kepakaran. Antaranya adalah ensembel angklung, ensembel dikir barat, ensembel dikir rebana, ensembel kibod, ensembel gitar, ensembel kombo, ensembel komping, dan ensembel orkestra barat (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Muzik tradisional Melayu adalah muzik yang menerima pengaruh luar. Dalam erti kata lain, muzik tradisional Melayu merupakan muzik yang bersifat sinkretik dan mempunyai elemen-elemen budaya lain seperti daripada India, Timur Tengah, China dan muzik tradisional barat (Matusky dan Tan, 2017 dalam Ismail dan Loo, 2023). Gabungan estetika yang wujud dalam muzik-muzik ini menjadi bukti yang kukuh mengenai elemen sinkretik yang berlaku. Elemen sinkretik yang berlaku ini berlaku akibat daripada perkahwinan, penjajahan, migrasi dan perdagangan. Muzik seperti zapin, ghazal, dondang sayang dan joget berkembang semasa penjajahan kuasa luar berlaku di Malaysia. Ini menyebabkan elemen-elemen budaya luar dapat menyerap masuk ke dalam budaya muzik Melayu (Ismail dan Loo, 2023).

Nama yang diberikan kepada irama muzik tradisional Melayu adalah merupakan cara untuk membuat klasifikasi tarian yang akan dilakukan untuk mengiringi lagu atau irama tersebut. Oleh itu, bunyi muzik menjadi faktor utama dan penting dalam memberikan penanda kepada tarian yang akan dilakukan. Sekiranya muzik yang dimainkan adalah lagu joget, maka, tarian joget yang akan dilakukan. Selain itu, sekiranya muzik yang dimainkan adalah lagu Asli atau Zapin, maka, tariannya adalah tarian Asli dan Zapin. Tarian-tarian tradisional Melayu ini pernah menjadi popular sehinggakan ditonjolkan di dalam filem-filem Melayu lama seperti Kanchan Tirana dan Lanchang Kuning (Sagkif Shek, dan Dawam, 2020).

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum Standard Sekolah Menengah menetapkan bahawa pelajar perlu diberikan peluang untuk menguasai kemahiran bermain alat muzik secara ansambel. Melalui penetapan ini, diharapkan supaya pelajar dapat untuk menguasai pelbagai kemahiran muzik melalui pelbagai genre muzik yang dimainkan oleh mereka. Ini diharapkan akan berlaku melalui aplikasi pengetahuan muzik seperti membaca dan menulis notasi. Antara ansambel yang ditawarkan untuk diajar di sekolah adalah ansambel kombo (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Perkembangan teknologi menyebabkan generasi muda tidak lagi berminat untuk mengambil tahu mengenai muzik tradisional. Malah, kebanyakan daripada mereka tidak mengetahui atau berminat untuk belajar alat muzik tradisional. Ini kerana mereka lebih berminat untuk belajar mengenai muzik popular dan muzik barat. Mereka juga merasakan bahawa muzik moden lebih menarik berbanding dengan muzik tradisional yang kelihatan kolot (Ritonga dan Veronica, 2022).

Ini juga menjadi sukar kerana muzik tradisional sudah mula menjadi sebuah muzik yang asing bagi golongan muda. Hal ini adalah sangat ketara terutamanya dalam kalangan muda yang tinggal di bandar. Muzik tradisional menjadi sebuah muzik yang asing dan tidak mudah untuk diterima oleh orang ramai terutamanya golongan muda. Ini kerana kedudukan muzik tradisional sebagai muzik arus perdana telah digantikan oleh muzik lain yang lebih mendapat tempat dalam arus perdana (Zhu, 2021).

Penulisan dalam bahagian ini telah menerangkan ensembel kombo adalah sebuah ensembel muzik yang menggabungkan beberapa alat muzik seperti gitar bes, dram, gitar elektrik dan keyboard (Mahendra et al., 2024). Namun begitu, walaupun guru diminta untuk diajar ensembel muzik, termasuklah ensembel kombo, namun gitar bes tidak diajar secara formal di dalam kelas. Malah, tiada sukatan dalam sukatan Pendidikan Muzik berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang menekankan atau memfokuskan kepada permainan gitar bes. Oleh itu, pengkaji ingin melakukan kajian ini.

Masalah ini juga berlarutan apabila pelajar tidak begitu meminati muzik tradisional. Ini akan menjadi masalah kerana ensembel muzik kombo selalunya memainkan muzik tanpa batasan genre. Ini kerana sifatnya yang versatil dan tidak terlalu terikat dengan mana-mana genre. Selain itu, alat muzik yang terdapat di dalamnya juga cukup untuk memainkan elemen-elemen muzik seperti melodi, ritma dan harmoni. Oleh itu, tidaklah pelik sekiranya kombo memainkan lagu tradisional, walaupun mungkin lebih moden berbanding versi yang asal. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa terdapat keperluan untuk mengajar pelajar untuk bermain joget, terutamanya untuk gitar bes. Fenomena pelajar yang tidak begitu meminati muzik tradisional ini selari dengan pandangan oleh Ritonga dan Veronica (2022).

Kajian ini adalah berkaitan dengan proses pembangunan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget. Pengkaji melihat bahawa pelajar yang ingin bermain gitar bes dalam sesebuah ensembel kombo perlu menguasai permainan muzik tradisional. Untuk kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada irama joget terlebih dahulu. Modul pengajaran yang akan dihasilkan ini akan cuba untuk digunakan untuk mengatasi masalah

pelajar tidak mempunyai kemahiran permainan gitar bes dan muzik tradisional seperti irama joget kerana tidak terdedah dengan permainan muzik tradisional (Ritonga dan Veronica, 2022)

Pengkaji melihat modul pengajaran sesuai untuk digunakan kerana modul pembelajaran digunakan untuk memastikan pelajar dapat memahami isi kandungan pelajaran tanpa batasan waktu dan di mana-mana sahaja (Indasari, 2024). Selain itu, modul pengajaran adalah bahan pembelajaran yang berpandukan kepada isi kandungan pelajaran yang lengkap, mempunyai arahan yang jelas dan mudah untuk difahami serta digunakan oleh pelajar. Selain itu, tujuan pengajaran dan ujian perlu diberikan di dalam modul untuk memastikan pelajar mencapai objektif pembelajaran (Kurniawan dan Wulandari, 2024).

1.4 Objektif Kajian


- i. Membangunkan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget
- ii. Menentukan isi kandungan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget
- iii. Mengenal pasti kebolegunaan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah kaedah membangunkan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?

- ii. Adakah isi kandungan bersesuaian untuk modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?
- iii. Apakah tahap kebolegunaan modul pembelajaran irama gitar bes bagi rentak joget?

1.6 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Modul Pengajaran

Modul pengajaran adalah merupakan sebuah bentuk bahan bercetak yang digunakan pelajar untuk membuat pembelajaran secara sendiri tanpa panduan daripada guru. Modul pembelajaran yang baik mempunyai beberapa ciri. Seperti boleh digunakan oleh pelajar untuk belajar dengan sendiri, mempunyai kualiti yang telah, tidak perlu bergantung kepada bahan lain, mengikut perkembangan ilmu dan teknologi semasa dan membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar (Ithriyah dan Meilana, 2023).

Kajian ini akan menggunakan definisi yang diberikan oleh Ithriyah dan Meilana (2023) apabila menggunakan istilah modul pembelajaran. Ini juga bermakna istilah ini akan diguna pakai untuk merujuk kepada dokumen yang mematuhi ciri-ciri model pengajaran seperti yang dinyatakan.

1.7.2 Gitar Bes

Kajian ini akan menggunakan istilah gitar bes. Istilah ini adalah merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada definisi yang dinyatakan oleh Pfeiffer (2020) dan sifat-sifat yang berkaitan dengan istilah itu. Gitar bes adalah merupakan sebuah alat muzik yang kebiasaannya mempunyai empat tali. Tali-tali gitar bes ditala pada jarak julat pic yang sama. Gitar bes juga mempunyai julat bunyi yang lebih rendah daripada gitar. Selain itu leher gitar bes adalah lebih panjang daripada gitar elektrik (Pfeiffer, 2020).

1.7.3 Irama Joget

Joget adalah merupakan salah sebuah muzik tradisional Melayu yang menerima pengaruh luar atau bersifat sinkretik kerana mempunyai elemen-elemen budaya lain seperti daripada India, Timur Tengah, China dan muzik tradisional barat (Matusky dan Tan, 2017 dalam Ismail dan Loo, 2023). Elemen sinkretik yang berlaku ini berlaku akibat daripada perkahwinan, penjajahan, migrasi dan perdagangan (Ismail dan Loo, 2023). Joget juga adalah merupakan genre muzik yang mempunyai tarian yang tersendiri (Sagkif Shek, dan Dawam, 2020).

Kajian ini akan menggunakan istilah joget. Istilah joget yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada definisi dan sifat-sifat seperti yang diterangkan oleh Matusky dan Tan (2017) dalam Ismail dan Loo (2023), Ismail dan Loo (2023) dan Sagkif Shek, dan Dawam (2020).

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Batasan ini ditetapkan supaya kajian ini berada di landasan yang betul. Selain itu, ini juga bagi memastikan kajian dapat mengutip dapatan kajian yang berkaitan sahaja. Ini bagi mengelakkan berlakunya pertikaian mengenai dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini.

Batasan pertama adalah isi kandungan modul pembelajaran. Kajian ini hanya akan membina modul pembelajaran yang kandungannya adalah berkaitan dengan teknik

permainan gitar bes untuk permainan irama rentak joget. Ini bermakna kajian ini tidak akan mencari dapatan kajian yang tidak berkaitan dengan irama joget seperti teknik permainan irama asli, masri atau zapin. .

Batasan kedua adalah fokus pembangunan isi kandungan modul pembelajaran. Kajian ini hanya akan fokus untuk membina modul pembelajaran yang kandungannya adalah berkaitan dengan teknik permainan gitar bes untuk permainan irama rentak joget. Ini bermakna kajian ini tidak akan mencari dapatan kajian yang tidak berkaitan dengan gitar bes seperti teknik permainan gitar atau perkusi.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Kepentingan-kepentingan ini adalah berkaitan dengan pihak-pihak yang akan mendapat kelebihan sekiranya kajian ini berjaya dilakukan.

Antara kepentingan kajian ini adalah penggunaan modul pengajaran dapat meringankan tugas guru. Ini kerana guru tidak perlu lagi mencari sendiri bahan bantuan untuk mengajar gitar bes, terutamanya, untuk mengajar irama joget. Ini kerana modul yang disediakan ini boleh menjadi panduan kepada mereka untuk mengajar gitar bes. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan ini sebagai bahan bantu mengajar.

Kajian ini juga penting bagi pihak kementerian. Ini kerana kajian ini akan membantu untuk menyediakan sebuah bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan boleh

digunakan di sekolah. Penggunaan modul ini boleh digunakan sebagai sebuah bahan pengajaran untuk kokurikulum yang berkaitan dengan muzik seperti kombo atau orkestra. Ini memberikan kelebihan kepada pihak kementerian kerana tidak perlu menggunakan sumber mereka untuk meningkatkan tahap permainan gitar bes dalam kalangan pelajar sekolah

Kajian ini juga adalah penting bagi memelihara kesenian muzik tradisional Melayu. Memandangkan kajian ini memfokuskan kepada permainan gitar bes dalam permainan irama joget, kejayaan kajian ini bermakna pengkaji akan dapat menghasilkan modul pengajaran untuk pelajar yang berminat untuk bermain gitar bes bagi irama joget. Dengan cara ini, pengkaji akan dapat menarik minat pelajar yang berminat untuk bermain gitar bes untuk menceburi permainan muzik tradisional. Ini akan memberikan kelompok pelapis kepada pemuzik yang bermain bes dan juga pemuzik yang memainkan irama muzik tradisional.

1.10 Rumusan

Bahagian ini telah menerangkan beberapa aspek berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian dan kepentingan kajian. Secara amnya, bahagian ini bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai latar belakang kajian yang dilakukan dan punca kajian ini dilakukan, serta, kepentingan kajian.